Dato' Mat Shah lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — FEDERAL TERRITORY CRIMINAL APPEAL NO 449-19 OF 1990
SHAIK DAUD H
8 SEPTEMBER 1990

Acara Jenayah — Syarat jaminan — Sama ada Mahkamah Tinggi ada kuasa untuk mengubahsuaikan syarat jaminan yang dibenarkan oleh hakim mahkamah sesyen — Permohonan dibuat di bawah s 389 Kanun Acara Jenayah — Sama ada permohonan boleh dibuat di bawah seksyen itu — Mahkamah Tinggi mempunyai bidangkuasa 'inherent' untuk melayani permohonan itu — Kanun Acara Jenayah (FMS Cap 6), s 389

Ini adalah satu permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk syarat jaminan yang dibenarkan oleh hakim mahkamah sesyen diubahsuaikan. Syarat jaminan yang berkenaan ialah supaya pasport antarabangsa si pemohon diserahkan kepada mahkamah sesyen. Si pemohon mengatakan bahawa ia memerlukan pasportnya untuk perjalanan khas ke Jakarta. Isu di hadapan Mahkamah Tinggi ialah sama ada mahkamah itu mempunyai kuasa di bawah s 389 Kanun Acara Jenayah atau seksyen-seksyen yang lain untuk melayani permohonan itu.

Diputuskan, membenarkan permohonan itu:

(1) Mahkamah Tinggi berkuasa untuk melayani permohonan seperti ini, iaitu untuk mengubahsuai syarat jaminan, di bawah bidang kuasanya di bawah s 389 Kanun Acara Jenayah, walaupun seksyen tersebut tidak dengan terus terang menyebutnya. Segala aspek bersangkutan dengan jaminan, termasuk jumlah dan syarat-syarat baginya, termasuk dalam s 389.

(2) Walaupun perkataan 'syarat' tidak disebut dalam seksyen ini, namun Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa 'inherent' atas perkara-perkara lain yang berkaitan dengan jaminan. Tidak ada sebarang peruntukan lain dalam Kanun Acara Jenayah yang memberi kuasa mutlak bagi permohonan pengubahsuaikan syarat jaminan. Oleh itu, mahkamah berpendapat apa sahaja perintah mahkamah sesyen atau mahkamah majistret yang bersangkutan dengan jaminan termasuk syarat jaminan boleh didengar di bawah s 389.

[English summary
This is an application to the High Court that the conditions of bail approved by the sessions court judge be modified by the High Court to allow the applicant's international passport to be returned to him so that he can make a special visit to Jakarta. The issue before the court was whether the application can properly be made under s 389 of the Criminal Procedure Code and whether the High Court has a power under that section to modify a condition of the bail set by the sessions court.

Held, allowing the application:

(1) The High Court has jurisdiction to modify the conditions of bail under s 389 of the Criminal Procedure Code even though that section does not clearly state so. All aspects connected with bail, including the amount and conditions for bail, are covered by s 389.

(2) Although the word 'condition' is not stated in this section, nevertheless the High Court has 'inherent' jurisdiction over matters connected with bail. There is no other provision in the CPC which confers an absolute power for an application for the variation of the conditions of bail. Therefore, whatever orders of the sessions court or the magistrates' courts in connection with bail including conditions of bail may be heard under s 389 by the High Court.]

[*Nota Penyunting*: Pendakwa Raya telah membuat rayuan kepada Mahkamah Agung melalui Rayuan Jenayah Bil 05-134-90. Rayuan itu didengar pada 7 January 1991. Keputusan mahkamah belum diumumkan.]

Kes-kes rujukan
1 *PP* v *Zulkiflee bin Hassan* (Mahkamah Tinggi) (tidak dilaporkan) (diikut)
2 *PP* v *Zulkiflee bin Hassan* [1990] 2 MLJ 215 (Mahkamah Agung) (diikut)

Undang-undang rujukan
Kanun Acara Jenayah (FMS Cap 6) s 389

Harjeet Singh bagi pihak pemohon.
Josephine Premla Sivaretnam bagi pihak Pendakwa Raya.

Cur Adv Vult

Shaik Daud H: Ini ialah satu permohonan daripada Dato' Mat Shah bin Safuan meminta mahkamah mengubahsuaikan syarat jaminan yang dibenarkan oleh hakim mahkamah sesyen supaya pasport antarabangsanya yang diserahkan kepada mahkamah sesyen sebagai salah satu syarat jaminan, dipulangkan kepada sipemohon untuk perjalanan khas ke Jakarta daripada 18 Julai 1990 hingga 23 Julai 1990 atau sebagai alternatif tanpa syarat.

Sebab-sebab yang pemohon harus ke Jakarta adalah terkandung dalam afidavitnya. Sipemohon telah dituduh dengan kesalahan pecah amanah jenayah di bawah s 409 Kanun Keseksaan (FMS Cap 45) bersama adiknya. Atas permintaan pendakwa raya kes tersebut telah pun dipindahkan ke Mahkamah Tinggi dan sementara itu pemohon dilepaskan dalam jaminan sebanyak $400,000 dengan dua orang penjamin. Sebagai satu syarat jaminan tersebut sipemohon diarah menyerahkan pasport antarabangsanya kepada mahkamah. Beliau telah pun menyerahkan pasportnya dan dilepaskan dalam jaminan.

Sebab-sebab yang diberi untuk ke Jakarta ialah sebagai pengerusi Syarikat Kesang Corp Bhd, (yang merupakan syarikat induk bagi 20 buah syarikat), sipemohon dikehendaki melanjutkan perundingan dengan pihak berkuasa Indonesia berkenaan pembinaan jalan tol. Beliau dikehendaki menghadiri mesyuarat dengan Ketua Pengarah Pihak Berkuasa Lebuhraya Indonesia dan akauntan di Indonesia. Beliau juga melampirkan jadual dan sebab-sebab lawatan beliau. Beliau juga telah berjanji akan menyerahkan pasportnya kepada mahkamah dalam tempoh 48 jam sebaik sahaja kembalinya dari Indonesia.

Peguam bagi pihak pemohon dalam hujahnya kepada mahkamah menekankan beberapa perkara, iaitu sipemohon adalah seorang ahli koperat yang terkenal, permohonan ini khas untuk ke Jakarta sahaja dan tiket kapalterbang telah ditempah untuk perjalanan pada 18 Julai 1990 hingga 23 Julai 1990. Kehadiran beliau di mesyuarat tersebut adalah perlu dan mengikut nota keterangan dari mahkamah sesyen disebutkan pemohon

telah menyerah diri semasa pihak polis mejalankan siasatan dan juga telah memberikan kerjasama kepada pihak polis dalam siasatan mereka. Permohonan ini dibuat di bawah s 389 Kanun Acara Jenayah (FMS Cap 6) ('KAJ'). Seksyen ini dalam Bahasa Inggerisnya berbunyi demikian:

> The amount of every bond executed under this Chapter shall be fixed with due regard to the circumstances of the case as sufficient to secure the attendance of the person arrested, but shall not be excessive; and a judge may, in any case, whether there be an appeal on conviction or not, direct that any person be admitted to bail or that the bail required by a police officer or Court be reduced or increased.

Pihak pendakwa dalam hujahnya membantah terhadap permohonan ini terutamanya atas dua sebab. Mengikut timbalan pendakwa raya s 389 KAJ bukannya untuk permohonan seperti ini dan yang kedua permohonan ini adalah tidak sah oleh kerana mahkamah sesyen dalam perintahnya tidak memberi sebarang peluang untuk mengubah syarat jaminan. Pihak pendakwa juga menghujahkan bahawa pemohon tidak membuktikan yang beliau akan mengalami kerugian besar jika beliau tidak pergi ke Jakarta dan tidak ada bukti dari Jakarta yang mesyuarat tersebut telah ditetapkan dan sipemohon sendiri patut hadir.

Pada pendapat saya perkara pokok yang harus diputuskan dalam permohonan ini ialah sama ada Mahkamah Tinggi ada kuasa di bawah s 389 KAJ atau mana-mana seksyen lain untuk melayan permohonan seperti ini. Kebetulannya permohonan ini ialah satu permohonan untuk mengubahsuaikan syarat jaminan yang dikenakan oleh mahkamah sesyen. Semasa membenarkan jaminan kepada sipemohon hakim mahkamah sesyen telah mengenakan satu syarat, iaitu pasport antarabangsanya diserahkan kepada mahkamah untuk simpanan dan tujuan syarat ini adalah ternyata iaitu orang yang dilepaskan dalam jaminan tidak dapat lari dari tuduhan ke luar negeri.

Seperti yang dihujah oleh timbalan pendakwa raya s 389 KAJ bukannya untuk permohonan seperti ini, tetapi beliau tidak tahu di bawah seksyen mana pulakah ianya harus dibuat. Tidak ada seksyen yang tertentu selain daripada s 389 di bawah mana permohonan seperti ini harus diperbuat. Dalam kes *PP* v *Zulkiflee bin Hassan*[1] permohonan yang sama juga dibuat oleh Zulkiflee di bawah s 389 KAJ. Saya telah memutuskan dalam kes itu Mahkamah Tinggi berkuasa untuk melayani permohonan itu. Malangnya dalam rayuan oleh pendakwa raya, Mahkamah Agung tidak memutuskan sama ada pendapat saya itu benar atau tidak walaupun rayuan dibuat atas alasan yang Mahkamah Tinggi tidak berkuasa. Alasan rayuan pendakwa raya berbunyi demikian:

> The learned judge erred in law and on facts in holding that the High Court has jurisdiction to entertain the respondent's application under s 389 of the Criminal Procedure Code.

Namun demikian Mahkamah Agung telah menolak rayuan pendakwa raya.

Walau bagaimanapun saya masih berpendapat Mahkamah Tinggi berkuasa untuk melayani permohonan seperti ini, iaitu untuk mengubahsuai syarat jaminan, di bawah bidang kuasanya di bawah s 389 KAJ. Mahkamah Agung dalam kes *PP* v *Zulkiflee bin Hassan*[2] memutuskan mengikut peruntukan s 389 KAJ, Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa mendengar permohonan di bawah s 389 mengenai jumlah bon jaminan. Berikutan dari keputusan itu saya berpendapat Mahkamah Tinggi juga mempunyai bidang kuasa untuk mendengar atau melayani permohonan bagi mengubahsuai syarat jaminan di bawah seksyen yang sama. Saya berpendapat sedemikian walaupun seksyen tersebut tidak dengan terus terang menyebutkannya. Pada pendapat saya segala aspek bersangkutan dengan jaminan termasuk amaun, dan syarat-syarat baginya termasuk dalam s 389. Walaupun perkataan 'syarat' tidak disebut dalam seksyen ini, namun Mahkamah Tinggi mempunyai bidangkuasa 'inherent' atas perkara-perkara lain yang berkaitan dengan jaminan. Tidak ada sebarang peruntukan lain dalam KAJ yang memberi kuasa mutlak bagi permohonan pengubahsuaian syarat jaminan. Oleh itu saya berpendapat apa sahaja perintah mahkamah sesyen atau majistret yang bersangkutan dengan jaminan termasuk syarat jaminan boleh didengar di bawah s 389 oleh Mahkamah Tinggi. Malah apabila kita teliti Bab XXXVII KAJ tidak ada langsung peruntukan yang membenarkan mana-mana mahkamah mengenakan sebarang syarat semasa membenarkan jaminan. Dari itu dapat kita simpulkan syarat yang dikenakan itu tersirat dalam peruntukan s 389 KAJ, di bawah mana jaminan dibenarkan. Pada pendapat saya bidang kuasa untuk mengubahsuaikan syarat jaminan begitu juga tersirat dalam s 389 KAJ dan dengan menggunakan kuasa sedia ada (inherent powers), Mahkamah Tinggi boleh melayani permohonan ini. Pada pendapat saya sekiranya mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan syarat walaupun tidak ada peruntukan semasa membenarkan jaminan, mustahil Mahkamah Tinggi tidak mempunyai kuasa untuk mengubahsuaikan syarat tersebut atas sebab-sebab yang tertentu.

Oleh yang dimikian pada pendapat saya Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa di bawah s 389 KAJ untuk mengubahsuaikan mana-mana syarat yang dikenakan semasa jaminan dibenarkan oleh mahkamah sesyen atau mahkamah majistret.

Dalam permohonan ini setelah saya teliti kandungan afidavit sipemohon dan setelah mendengar hujah peguam kedua-dua pihak, saya dapati sipemohon telah memberikan bukti yang mencukupi untuk syarat jaminan beliau diubahsuaikan sedikit dengan membenarkan beliau mengambil balik pasport antarabangsanya atas tujuan yang beliau dikehendaki hadir mesyuarat-

mesyuarat yang disebut itu. Sipemohon adalah seorang ahli koperat yang terkenal di negara ini dan pada pendapat saya beliau tidak akan mensia-siakan kedudukan beliau dengan melarikan diri sekiranya pasport dilepaskan kepadanya buat sementara.

Oleh yang demikian saya benarkan permohonan beliau dan mengarahkan pasport antarabangsanya diserahkan kepadanya untuk perjalanan beliau ke Jakarta sahaja bagi tempuh 18 Julai 1990 hingga 23 Julai 1990 dan beliau dikehendaki menyerahkan balik pasport tersebut ke mahkamah 48 jam selepas kembalinya ke Malaysia.

Permohonan dibenarkan.

Peguamcara: *Shearn Delamore & Co.*

Dilaporkan oleh *Zarinah Marican*

Re V David, ex p United Asian Bank Bhd

HIGH COURT (KUALA LUMPUR) — BANKRUPTCY NO 1369 OF 1985
ZAKARIA YATIM J
15 OCTOBER 1990

Bankruptcy — Defective petition — Attestation clause missing — Petition signed by solicitor instead of petitioner — Sealed copy not served — Whether proceedings are invalid due to irregularity — Bankruptcy Act 1967, s 131 — Bankruptcy Rules 1969, rr 99(1), 109 & Form 9

The judgment creditor commenced bankruptcy proceedings against the judgment debtor. At the hearing of the petition, it was submitted for the judgment debtor that the petition was defective in that a clause as to attestation was omitted from the petition; the petition was wrongly signed by the petitioner's attorney, not the petitioners themselves; and a sealed copy of the petition was not served on the judgment debtor. The judgment creditor submitted that this was a mere irregularity and did not invalidate the proceedings.

Held, dismissing the petition:

(1) Rule 99(1) of the Bankruptcy Rules 1969 requires that when a petition is signed by the judgment creditor, it must be done in the presence of a witness. This rule should be strictly construed. The absence of the words 'signed by the petitioner in my presence ...' shows that the creditor's petition was not signed in the presence of the witness.

(2) In the petition, the judgment creditor asks for receiving and adjudication orders, but yet the petition was signed by the attorney as petitioner. There is nothing in the creditor's petition that the attorney is authorized by the judgment creditor to sign the petition. There is also no evidence that the attorney is acting under a valid power of attorney. As such the person who signed the petition was not lawfully authorized to sign the petition, thus rendering the petition defective.

(3) As to the non-service of a sealed copy of the petition on the judgment debtor, the judgment creditor conceded that only a 'true copy' was served. As the Bankruptcy Rules 1969 require a sealed copy to be served, the service of the petition is defective.

(4) As to whether the bankruptcy proceedings are invalid because of these defects, it must be considered whether substantial injustice has been caused by these defects, and that the injustice cannot be remedied by any order of court. In view of the facts, the defects are serious and substantial injuries would be caused by these defects. The petition is, as such, dismissed with costs.

[Bahasa Malaysia summary

Pemiutang penghakiman telah memulakan tindakan kebankrapan terhadap penghutang debtor. Di pembicaraan petisyen itu, hujah dibuat bagi penghutang penghakiman bahawa petisyen itu cacat kerana fasal pengakusaksian telah ditinggalkan daripada petisyen itu; petisyen itu telah ditandatangani dengan salah oleh peguamcara pempetisyen, bukan pempetisyen sendiri; dan satu salinan petisyen itu yang dimeterai tidak disampaikan kepada penghutang penghakiman. Pemiutang penghakiman menghujah bahawa ini adalah luar aturan semata-mata dan tidak menjadikan tindakan itu tidak sah.

Diputuskan, menolak petisyen itu:

(1) Kaedah 99(1) Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 mewajibkan supaya bila satu petisyen ditandatangani oleh penghutang penghakiman, ia mesti dibuat di hadapan seorang saksi. Kaedah ini mesti ditafsirkan dengan tegas. Ketiadaan perkataan-perkataan 'ditandatangani oleh pempetisyen di hadapan ...' menunjukkan bahawa petisyen pemiutang tidak ditandatangani di hadapan seorang saksi.

(2) Di dalam petisyen itu, pemiutang penghakiman memohon perintah penerimaan dan penghukuman, namun petisyen itu ditandatangani oleh peguamcaranya sebagai pempetisyen. Tidak ada apa-apa di dalam petisyen pemiutang yang menunjukkan bahawa peguamcara itu diberi kuasa oleh pemiutang untuk menandatangani petisyen itu. Juga tidak ada keterangan bahawa peguamcara itu bertindak di bawah surat kuasa wakil yang sah. Oleh itu, orang yang menandatangani petisyen itu tidak diberi kuasa di sisi undang-undang untuk menandatangani petisyen itu, dengan itu menyebabkan petisyen itu cacat.

(3) Berkenaan dengan ketiadaan penyampaian satu salinan termeterai petisyen itu kepada penghutang, pemiutang mengaku bahawa hanya satu 'salinan benar' disampaikan. Memandangkan yang Kaedah Kebankrapan 1969 mewajibkan satu salinan termeterai disampaikan, penyampaian petisyen itu cacat.

(4) Berkenaan soalan sama ada tindakan kebankrapan itu tidak sah kerana kecacatan itu, mestilah dipertimbangkan sama ada ketidakadilan yang besar telah diakibatkan oleh kecacatan itu, dan bahawa ketidakadilan itu tidak boleh diperbaiki oleh apa-apa perintah mahkamah. Memandangkan fakta-fakta itu, kecacatan itu adalah serius dan ketidakadilan yang besar akan diakibatkan oleh kecacatan itu. Petisyen itu ditolak dengan kos.]

Case referred to

1 *Low Mun* v *Chung Khiaw Bank Ltd* [1988] 1 MLJ 263 (folld)

Legislation referred to

Bankruptcy Act 1967 s 131
Bankruptcy Rules 1969 r 99(1), 109, Form 9

MS Murthi for the judgment debtor.
KL Rekhraj for the judgment creditor.

Cur Adv Vult